

25 MAY 2001

Pelancongan-Menyelam (Bergambar)

KERAJAAN AKAN BANTU TINGKAT AKTIVITI MENYELAM, KATA ABDUL KADIR

KUALA LUMPUR, 25 Mei (Bernama) -- Kerajaan akan membina lebih banyak jeti dan menaikkan taraf jeti-jeti sedia ada untuk menampung bilangan pelancong yang datang ke pantai-pantai Malaysia untuk menyelam, kata Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan Datuk Abdul Kadir Sheikh Fadzir hari ini.

"Sukan menyelam semakin popular dan kita akan membelanjakan sedikit wang di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK8) untuk memberi rangsangan kepada sukan itu," kata beliau dalam persidangan berita selepas merasmikan Ekspo Menyelam Asia (ADEX) 2001, di Mines Exhibition Centre, di sini.

Beliau berkata di Malaysia, terdapat banyak tempat-tempat yang menarik untuk menyelam termasuk seperti Pulau Perhentian, Pulau Kapas dan Pulau Redang di Terengganu selain Pulau Tioman di Pahang dan Langkawi di Kedah.

"Kami merancang untuk membangunkan kemudahan di pulau-pulau ini untuk menarik lebih ramai pelancong khususnya penyelam," katanya.

Sementara itu, Presiden Persatuan Sukan Menyelam Malaysia (MSDA) Mukriz Mahathir berkata, lebih 30,000 pelancong yang berminat dengan aktiviti menyelam melawat pantai-pantai Malaysia setiap tahun dan membelanjakan purata RM88.5 juta dalam tempoh itu.

Tahun lepas, Sabah sahaja menyumbangkan RM50 juta dalam pulangan daripada pelancong yang datang untuk menyelam, iaitu 10 peratus daripada jumlah pendapatan negeri itu bagi tahun 2000.

"Ini dengan jelas menunjukkan yang pelancongan menyelam membawa pulangan besar bagi ekonomi Malaysia," katanya.

Menjawab satu soalan, beliau berkata purata hari setiap penyelam berada di negara ini ialah dari lapan ke 10 hari dan ada yang melanjutkannya ke dua minggu.

Beliau juga berkata 60 peratus daripada penyelam berbelanja antara RM3,500 dan RM4,000 semasa setiap sesi lawatan sementara baki 40 peratus berbelanja antara RM2,000 dan RM3,500 seorang.

Mukriz berkata kebanyakan daripada penyelam datang dari Taiwan, Hong Kong dan Jepun dan sejak kebelakangan ini juga dari Amerika Syarikat dan Eropah.

Beliau juga berkata yang persatuan itu akan terus mempromosi aktiviti menyelam sebagai sukan keseronokan dan selamat bagi rakyat Malaysia dan warga asing yang berada di sini.

"Kita juga mahu mewujudkan kesedaran yang lebih baik mengenai bagaimana memulihara persekitaran marin," katanya.

Lebih kurang 88 pempamer daripada 22 negara sedang mengambil bahagian dalam ekspo itu untuk memperkenalkan produk-produk inovatif terbaru dan produk-produk bergaya, dan juga pakej-pakej khas ke destinasi-destinasi penyelaman.

Pertunjukan tiga hari itu diperakui oleh Persatuan Peralatan Menyelam dan Pemasaran (DEMA) dan dianjurkan oleh Lembaga Penggalakkan Pelancongan Malaysia dengan sokongan MSDA.

Ekspo itu terbuka kepada umum dan bayaran RM3 dikenakan bagi mereka tanpa kad jemputan.

-- BERNAMA

NZ ZS PR